



JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



Telefon : +6088-369 900
 : +6088-369 901
Faksmile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JPAN 1000-9/159 Jld.4 (86)
Tarikh : 07 JAN 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PENETAPAN MARKAH MINIMUM KESELURUHAN BAGI URUSAN
PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan pelaksanaan **Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)** yang berkuat kuasa mulai **1 Disember 2024**, Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan: JPA.(S).600-1/3/26 (16) bertarikh 8 November 2024 dan menetapkan **markah minimum keseluruhan** bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri kepada **85%** dan ke atas bagi tiga (3) tahun terakhir dengan **markah prestasi** pada tahun terakhir hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%.

3. Urusan ini adalah terpakai untuk semua urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat termasuk kenaikan pangkat secara hakiki, kenaikan pangkat secara *time-based* kecemerlangan (TBK) Pegawai Kumpulan Pelaksana serta kenaikan *time-based* berasaskan kecemerlangan (TBBK) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Penyelidik atau semua kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan lain.

4. Bagi pemangkuan dan kenaikan pangkat secara **fleksi gred 41/44 Kumpulan Pengurusan dan Profesional**, markah minimum keseluruhan adalah kekal 90% ke atas bagi tiga (3) tahun terakhir seperti di dalam surat edaran 1000-9/159 Jld.4 (122) bertarikh 18 Disember 2023.

.../2

“SABAH MAJU JAYA”

JPAN 1000-9/159 JLD. 4 (86)

Tarikh: 07 JAN 2025

5. Walau bagaimanapun, bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat yang telah dibuat **sebelum 1 Disember 2024** dan masih belum selesai hendaklah terus diuruskan berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa sebelumnya.

6. Ketetapan ini turut dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing dan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP]

Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k: Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Tingkat 3&4, Blok B
Wisma MUIS, Peti Surat 10988
88811 KOTA KINABALU